

15 APR 2004

Agong-Mahathir

TUN DR MAHATHIR TERIMA IJAZAH KEHORMAT DOKTOR SAINS POLITIK DAN
KERAJAAN

SHAH ALAM, 15 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr
Mahathir

Mohamad hari ini dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Sains Politik dan
Kerajaan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada Konvokesyen
Komemoratif
universiti itu di sini.

Anugerah itu disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed
Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, selaku Canselor UiTM.

Turut hadir ialah Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul
Rashid,
isteri Dr Mahathir Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Pengajian
Tinggi
Datuk Dr Shafie Mohd Salleh.

Seri Paduka dalam titah ucapan baginda menyifatkan Dr Mahathir
sebagai
seorang pemikir dan pemimpin yang berpandangan jauh.

Baginda bertitah Dr Mahathir dapat melihat dan menilai sumbangan
serta
status UiTM sebagai sebuah universiti yang unggul.

Selain mempunyai 100,000 penuntut dalam pelbagai peringkat
pengajian,
UiTM turut melahirkan profesional yang sangat diperlukan oleh negara
dan
industri, titah baginda.

Seri Paduka bertitah telah sampai masanya bagi UiTM menghargai
seorang
negarawan yang berjuang dengan kepintaran sahsiah dan fikirannya
untuk
mengembalikan martabat dan maruah bangsa yang berdaulat dan merdeka.

Baginda bertitah Dr Mahathir sentiasa mendahului kepentingan
bangsa
daripada kepentingan diri sendiri.

"Beliau bukan sahaja seorang yang amat dedikasi malah merupakan
pemimpin yang mengamalkan nilai-nilai murni," titah baginda.

-- BERNAMA

LES LAT